



Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pola Undi Belia Luar Bandar dalam Pilihanraya ke-13: Kajian Kes di Kampung Gajah, Perak

AZMI ABDUL MALEK¹, MOHD. AINUDDIN ISKANDAR LEE ABDULLAH¹, ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ¹, MOHD. RAZALI AGUS¹

¹Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Correspondence: Azmi Abdul Malek (email: azmi555448@gmail.com)

Abstrak

Pilihan Raya Umum ke-13 menyaksikan keputusan pilihanraya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi Barisan Nasional (BN) apabila hanya memenangi 133 kerusi berbanding 140 kerusi dalam PRU ke-12. Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pola undi pengundi muda di kawasan luar bandar dengan mengambil kawasan DUN Kampung Gajah, Perak dalam PRU13. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan cara temubual secara mendalam terhadap 20 orang responden belia berumur 25 hingga 40 tahun serta 20 responden berumur 40 tahun ke atas untuk mengetahui sama ada elemen sama turut berlaku di kawasan luar bandar. Hasil kajian mendapati bahawa pola pengundian di kalangan golongan muda luar bandar dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya aspek pengaruh media sosial, media konvensional, faktor calon dan parti juga memberi kesan kepada pola pemilihan dalam kalangan pengundi di kawasan kajian.

Kuncikata: pilihanraya, media sosial, belia luar bandar

Factors Affecting Rural Youths' Voting Patterns in Malaysia: A Case Study of Kampung Gajah, Perak During the 13th General Election

Abstract

In Malaysia's 13th General Election (GE) results of the election for parliamentary seats saw a decrease of 133 seats (60 percent) in the total number of seats won by the

Barisan Nasional (BN) from the 140 seats the party garnered in the 12th GE. To explain the downfall of the BN seats this study examined and analysed factors that could and should have influenced the rural youths' voting patterns in the Perak state legislative assembly area of Kampung Gajah. Primary data were gathered qualitatively through in-depth interviews of 40 respondents; 20 of whom were youths of age 25 to 40 and 20 more aged 40 and above for comparison purposes. Results of the study indicated that a multiplicity of variables influenced the youths' voting behaviour in the study area, namely, the social media, the conventional media, the candidate's attributes, and the party factor.

Keywords: election, social media, youth in rural area

Pengenalan

Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13 pada tahun 2013 menunjukkan pengurangan jumlah kerusi parlimen yang dimenangi Barisan Nasional (BN) apabila hanya memenangi 133 kerusi berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008 sekaligus menggagalkannya mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana 'tsunami politik' dalam PRU 2008 (Junaidi Awang Besar, 2017). Kebanyakan kawasan bandar utama dikuasai oleh parti pembangkang manakala kawasan luar bandar masih menjadi kubu kuat BN dalam mengekalkan momentum kemenangan di kawasan tersebut.

Kajian ini merupakan kajian kes di kawasan kerusi luar bandar dengan tujuan untuk melihat apakah faktor-faktor yang mendorong kepada pola undi pengundi muda di kawasan berkenaan. Pemilihan kawasan DUN Kampung Gajah sebagai kajian kes berikutan keupayaannya dalam mengekalkan rekod kemenangan kepada calon BN sehingga ke PRU13. Pada PRU12 kerusi DUN Kampung Gajah dimenangi parti BN dengan memperoleh undi majoriti sebanyak 1,416 dan meningkat kepada 6,100 pada PRU13. Mengikut SPR negeri Perak seramai 21,673 iaitu 38.5 peratus daripada 51,498 pengundi di Parlimen Pasir Salak adalah golongan muda berumur 21 hingga 40 tahun. Seramai 10,737 (49.54 peratus) adalah pengundi lelaki, manakala 10,936 (50.46 peratus) pengundi perempuan.

Terdapat 10,152 iaitu 40.56 peratus daripada 25,028 pengundi di DUN Sungai Manik adalah golongan muda berumur 21 hingga 40 tahun. Seramai 5,071 (49.95 peratus) adalah pengundi lelaki, manakala 5,081 (50.05 peratus) pengundi perempuan. Seramai 11,521 iaitu 43.52 peratus daripada 26,470 pengundi di DUN Kampung Gajah adalah golongan muda berumur 21 hingga 40 tahun. Seramai 5,663 (49.15 peratus) adalah pengundi lelaki, manakala 5,858 (50.85 peratus) pengundi perempuan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji apakah factor-faktor yang mempengaruhi pola undi pengundi muda di kawasan luar bandar dengan mengambil kawasan DUN Kampung Gajah dalam PRU13.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah Kualitatif di mana pengumpulan data diperolehi melalui temuduga secara mendalam ke atas 20 responden yang mewakili 20 daripada 58 kampung dalam Daerah Kecil Kampung Gajah yang juga boleh dikenali sebagai DUN Kampung Gajah, berumur antara 25 tahun hingga 40 tahun yang mengandungi 17 responden lelaki dan 3 perempuan yang mempunyai perbezaan latarbelakang pendidikan dan pekerjaan, berumur antara 25 hingga 40 tahun iaitu berumur 25-30 tahun (3 orang), 31-35 tahun (6 orang), 36-40 tahun (11 orang). Latarbelakang responden memori impak kepada tahap pengalaman dan pemikiran yang menyumbangkan kepada pengalaman serta pergaulan masing-masing. Responden memiliki kelulusan peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) seramai seorang, Penilaian Menengah Rendah (PMR) seorang, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 6, Diploma 4 dan Ijazah 8. Pengkaji juga memilih mereka yang mempunyai pengalaman dan pembabitan politik dan pilihanraya antara tiga hingga 10 tahun ke atas termasuk sebagai pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian kerana ia boleh membantu dari segi mendapatkan maklumat lebih mendalam. Kedudukan pekerjaan dan perjawatan juga diambil kira bagi menentukan tahap pergaulan mereka dalam masyarakat. Mereka yang bekerja sebagai peniaga (4), buruh (1), petani (2), pegawai (7), guru (2), Kontraktor (3) dan tidak bekerja/suri rumah (1).

Responden ini dipilih berdasarkan umur antara 25 hingga 40 tahun yang tinggal di kawasan kajian kerana mereka adalah golongan belia yang boleh mengundi pada PRU13. Selain itu mereka adalah ahli dan pemimpin Pergerakan Pemuda Umno di peringkat cawangan dan Bahagian Pasir Salak yang bertindak sebagai pengundi dan penggerak jentera parti BN ketika PRU13. Mereka mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun membabitkan diri dalam kegiatan politik parti Umno, BN dan pilihanraya.

Temubual mendalam dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan pandangan responden terhadap apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kepada pola pengundian pada PRU13. Perbualan itu direkodkan dalam perakam suara yang disediakan dengan menyediakan beberapa soalan terbuka menjurus kepada jawapan yang diperlukan sebagai panduan. Selain menemubual 20 responden belia yang menjadi fokus dalam kajian ini, pengkaji juga menemubual 20 responden lain membabitkan 5 pemimpin Umno/BN dan kerajaan, 12 pemimpin dan bekas pemimpin Umno Bahagian Pasir Salak, seorang pemimpin pembangkang daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) Kebangsaan, seorang pemimpin Pas Bahagian Pasir Salak dan seorang pengetua sekolah menengah menjadikan jumlah keseluruhannya 40 responden.

Kajian Literatur

Kajian terdahulu berkaitan PRU13 di Malaysia ada dijalankan beberapa sarjana tempatan antaranya Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah dan Ilyas Abdullah (2014) menjalankan kajian menggunakan kaedah kuantitatif terhadap 348 peneroka Felda Chini, Pahang dengan tujuan mengkaji sebab-sebab peneroka berkenaan mengundi sesebuah parti dan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku pengundian mereka. Berdasarkan kajian, faktor yang mempengaruhi tingkahlaku pengundian peneroka dianggap sebagai satu penghargaan terhadap kerajaan yang menyediakan mereka pembangunan dari segi kemudahan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan lain-lain. Sejak peneroka Felda berkenaan menerima bantuan langsung daripada Kerajaan Persekutuan, mereka terhutang budi secara politik kepada parti pemerintah dan mereka percaya bahawa BN telah banyak menyumbang dalam kehidupan mereka. Kebanyakan responden di sini mengundi parti berdasarkan identiti etnik dan pencapaian parti juga merupakan sebab utama mereka mengundi satu parti berbanding parti yang lain.

Chang Peng Kee, Ali Salman, Mohd Azul Mohamad Salleh dan Tham Jen Sern (2016) menjalankan kajian menggunakan kaedah Kualitatif dan Kuantitatif di Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor Bahru, Kota Bahru dan Terengganu terutama di kawasan pengundi Cina di bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Tujuan kajian mereka adalah untuk meneroka pola dan tujuan penggunaan media, meneroka faktor dan isu tertentu yang di interpretasi bercanggah dengan kerajaan, mengenal pasti cara untuk mencapai persefahaman dengan kumpulan etnik Cina, serta menghurai dan menerangkan hubung kait penggunaan media, interpretasi isu dan penglibatan aktivisme. Kajian ini turut menerokai pandangan pengundi Cina di Semenanjung Malaysia tentang jenis media yang digunakan, jenis isu yang dibincangkan dan kerelaan melibatkan diri dalam aktiviti sivik sama ada secara maya ataupun fizikal. Sebanyak 95 informan dari negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Kota Bahru dan Terengganu ditemubual dalam perbincangan kumpulan fokus.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali dan Muhammad Hazim Abdul Ghani (2014) menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap pengundi di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menganalisis persepsi politik pengundi di Kuala Lumpur seterusnya mempengaruhi pilihan politik mereka dalam PRU13. Kajian ini mencari faktor-faktor yang menyebabkan rakyat menyokong BN. Berdasarkan beberapa kajian terdahulu, kebiasaannya orang Melayu akan memberikan sokongan yang kuat kepada BN pada setiap kali pilihanraya umum diadakan. Terdapat beberapa faktor dikenalpasti yang menjadi penyebab Kerajaan Pusat (BN) disokong atau menjadi pilihan. Faktor utama menurut responden bahawa rakyat menyokong BN adalah atas dasar mengenang dan menghargai jasa pemimpin terdahulu (62.2 peratus). Mereka merasakan adalah wajar sebagai rakyat Malaysia untuk terus menyokong pentadbiran BN kerana dengan dasar dan kepimpinan BN sedia ada menjadikan Malaysia terus membangun dan terkenal di pelusuk dunia. Oleh itu mereka merasakan adalah wajar untuk mereka terus menerus untuk menyokong BN.

Analisis Data

Semua data yang terkumpul diproses dan dianalisa bagi melihat isu-isu penting yang dibangkitkan dalam temuduga yang dijalankan terhadap responden. Pengkaji menemuduga semula empat responden terpilih untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci bagi menjawab beberapa isu yang ditemui pada peringkat permulaan analisa data. Pengkaji memilih berasaskan latarbelakang pendidikan, pengalaman dan kemahiran menyampaikan maklumat. Semua maklumat dan fakta diperolehi disusun dan dikategorikan mengikut keperluan jawapan kepada objektif kajian. Setiap maklumat mengikut kategori dikembangkan pengkaji melalui data yang diberikan responden ketika ditemuduga. Berdasarkan maklumat dan data diperolehi pengkaji membuat analisa, hipotesis dan mendapatkan hasil penemuan kajian.

Lokasi dan Skop Kajian

Daerah Kecil Kampung Gajah (DKKG) Perak yang dipilih sebagai lokasi kajian terletak dalam Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar, Bota, Perak. Ia terletak kira-kira 25 kilometer dari Bandar TelukIntan, kira-kira 37.6 kilometer dari Bandar Seri Iskandar dan 75 kilometer dari Ipoh. Dari segi pentadbiran awam, Kampung Gajah yang diketuai seorang Ketua Penolong Pegawai Daerah terletak di bawah pentadbiran Daerah Perak Tengah. Daerah ini diketuai pula seorang Pegawai Daerah yang dilantik kerajaan negeri. Sejak pilihanraya umum diadakan pada 1959, kerusi DUN Kampung Gajah dikuasai parti BN tanpa kalah sehingga kini. Sungguhpun BN menang dalam tempoh itu tetapi ia hampir kalah kepada parti pembangkang yang didominasi parti Pas apabila memperolehi undi majoriti sebanyak 1,023 pada PRU10 dan 1,416 (PRU12). Namun begitu undi majoriti meningkat semula kepada 6,100 pada PRU13. Sehubungan itu satu kajian perlu dilakukan di DUN Kampung Gajah untuk melihat apakah faktor yang mempengaruhi pola pengundian di kawasan berkenaan.

Hasil Kajian

Setiap pengundi akan menggunakan pilihan rasional (rational Choice) masing-masing bagi memilih calon sesuai ketika pilihanraya diadakan. Teori Pilihan Rasional ialah teori memahami model ekonomi dan sosial terutamanya tingkahlaku individu. Ia merupakan paradigma utama masa kini yang digunakan dalam bidang pemikiran mikroekonomi. Ia juga menjadi tumpuan kepada sains politik moden termasuk disiplin sosiologi dan falsafah.

Elster (1989) menyatakan pentingnya teori pilihan rasional apabila beliau mengatakan bila berhadapan dengan beberapa tindakan, seseorang biasanya melakukan apa yang mereka percaya akan mencapai hasil keseluruhan yang terbaik. Friedman (1953) menjelaskan bahawa perilaku individu sering mengimbangi perbelanjaan dengan faedah untuk mencapai kepuasan maksimum peribadi. Manusia

biasanya dimotivasi dengan wang dan kemungkinan mendapat keuntungan daripadanya dengan mendorong mereka meramalkan perlakuan seseorang. Ahli Sosiologi dan Sains Sosial membina teori dengan melihat dan mengkaji unsur-unsur karektor rasional seseorang yang bertindak mengira kos dan manfaat sebelum sebarang keputusan dibuat. Pendekatan ini dikenali sebagai teori pilihan rasional. Dalam politik sepertimana juga ekonomi pasti ada persaingan. Sejak 1950an ada persaingan antara barangan dan kuasa di pasaran, Sehubungan itu ia telah memberi keistimewaan kepada ahli sains sosial membuat tanggapan bahawa kaedah ekonomi sangat berguna dalam kajian politik.

James Buchanan dan Gordon Tullock (1974) dalam bukunya, *The Calculus of Consent: Logical Foundations of Constitutional Democracy* menyatakan bahawa kajian sains politik adalah berkaitan keseluruhan tindakan individu berasaskan nilai kebersamaan terhadap semua aktiviti pasaran dan politik. Tullock (1976) menegaskan pengundi dan pelanggan adalah golongan sama penting. Seseorang yang membeli dan mengundi adalah orang sama dalam pasaraya dan khemah mengundi. Teori Pilihan Rasional adalah pendekatan yang boleh digunakan dalam sains sosial untuk memahami tingkahlaku seseorang. Green (2002) mengenalpasti penyebaran pendekatan pilihan rasional melepasi isu ekonomi konvensional turut dibincangkan Becker (1976), Radnitzky dan Bernholz (1987), Hogarth dan Reder (1987), Swedberg (1990), Green dan Shapiro (1996).

Teori ini telah berkembang sebagai sebahagian revolusi tingkahlaku manusia dalam sains politik Amerika dalam era tahun 1950an dan 1960an untuk menyiasat bagaimana tingkahlaku seseorang berlaku dengan menggunakan kaedah empirikal. Anthony Downs (1957) adalah orang pertama menggunakan teori pilihan rasional dalam tingkahlaku pilihanraya dan persaingan. Kajiannya diteruskan Munger dalam tahun 1997 tentang revolusi kajian pilihanraya.

Daripada keterangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa dalam konteks politik dan pilihanraya di negara ini, setiap pengundi mempunyai pertimbangan rasional masing-masing ketika memilih calon dan parti bertanding dalam pilihanraya umum. Mereka mempunyai sebab tersendiri kenapa memilih seseorang calon sebagai wakil rakyat masing-masing dan parti yang disokong memerintah negara selepas proses pilihanraya dijalankan, berasaskan kepentingan peribadi dan manfaat diterima nanti. Biasanya mereka dipengaruhi beberapa faktor sebelum membuat pertimbangan dan keputusan dengan melakukan tindakan berasaskan rasionaliti masing-masing.

Besar, Fauzi, Ghazali dan Abdul Ghani (2014) berpendapat elemen ruang dan masa sangat mempengaruhi keputusan pengundi untuk memilih calon apabila golongan ini dipengaruhi majoriti di sekelilingnya terutama golongan muda. Golongan muda ini mahukan kehidupan yang lebih madani dan sejahtera dengan memberi tumpuan kepada keselesaan perkhidmatan, pekerjaan yang baik, kemudahan awam, tempat tinggal dan juga harga barangan yang berpatutan. Menurut mereka, pelbagai faktor yang dikaitkan bagaimana corak pengundian ini berlaku seperti faktor geografi, sosiologi, psikologi, etnik, kelas dan sebagainya. Kira-kira 63 peratus responden memilih parti sebagai faktor untuk menentukan undi mereka dalam setiap pilihan raya. Imej sesebuah parti lebih mempengaruhi sikap terhadap parti dan penentuan pilihan mengundi berbanding dengan dasar yang dibawa parti berkenaan. Tingkah laku

mengundi seseorang akan didorong pengaruh jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, perlakuan mengundi akan ditentukan isu dan daya tarikan calon. Dalam jangka panjang, corak pengundian akan ditentukan identifikasi parti, agama, kaum dan kelas masyarakat.

Kajian sosiologi politik mendapati kebanyakan pengundi merasakan kemestian untuk mengundi parti yang diwarisi daripada keluarga mereka. Perasaan ini tetap kekal sepanjang hayat mereka tanpa mengira kepimpinan parti. Walaubagaimanapun sebilangan pengundi yang bertukar identifikasinya adalah disebabkan kurangnya pengaruh keluarga, perbezaan dengan kumpulan terdekat, kelas sosial, ekonomi dan politik. Faktor nasional yang dilihat mempengaruhi sokongan responden kepada BN ialah keamanan, kestabilan dan kemajuan yang diperjuangkan BN yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Faktor nasional seterusnya ialah program 'transformasi' yang dijalankan Perdana Menteri diterima rakyat. Antara program transformasi yang praktikal dan dapat dinikmati terus rakyat ialah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Faktor sentiment keMelayuan turut mempengaruhi sokongan kepada BN. Budaya politik Melayu dipengaruhi unsur-unsur feodal seperti sifat taat setia, akur, submisif dan dikukuhkan lagi dengan hubungan politik patron/client (penaung-klien) antara yang memerintah dengan yang diperintah yang ditunjukkan rakyat sebagai balasan terima kasih.

Sokongan pengundi kepada parti-parti dalam Pakatan Rakyat (PR) secara keseluruhannya adalah kerana ingin mencuba pemerintahan yang baru, janji atau manifesto yang ditawarkan, kepimpinan Anwar Ibrahim yang berjaya menyatukan parti-parti yang berlainan ideology, simpati terhadap perjuangan PR, faktor sokongan pengundi muda dan penggunaan media alternative/media sosial untuk memperoleh maklumat politik.

Kedudukan perumahan PPR yang berada dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur yang dipengaruhi fenomena 'ubah', 'ini kalilah', 'tsunami bandar', 'revolusi maklumat media sosial dan internet' serta 'tsunami politik Cina' dan 'tsunami politik golongan pertengahan' juga ikut membantu sebahagian responden menyokong PR.

Faktor seterusnya ialah sokongan daripada pengundi muda. Pengundi muda iaitu pengundi saluran tiga dan ke atas dilihat lebih cenderung menyokong calon PR yang kebanyakannya muda dan bertenaga sekaligus dilihat dapat memahami inspirasi atau kehendak anak muda di kawasan tersebut. Kelantangan calon-calon PR yang muda ini dalam memperjuangkan isu setempat dan nasional mendapat sokongan pengundi muda yang mempunyai jiwa kental, bersifat 'kepembangkangan', 'vokal', 'kritis', mementingkan integriti, memperjuangkan 'politik sivil' dan mempunyai sikap 'inkuiri' atau ingin tahu yang lebih mendalam terhadap sesuatu perkara atau isu (Besar et. al., 2014).

Faktor berikutnya ialah sokongan padu pengundi Cina. Kebanyakan pengundi Cina terutamanya di PPR Salak Selatan menyokong PR/DAP. Jika dalam PRU 2008 dalam lingkungan 70 peratus pengundi Cina menyokong PKR namun dalam PRU 2013 kali ini, pengundi Cina 'solid' atau boleh dikatakan antara 80 hingga 90 peratus dalam kalangan mereka menyokong calon PKR. Politik orang Cina yang mementingkan keadilan, integriti, anti penyelewengan/korupsi dan anti kronisme/nepotisme dalam

agihan kekayaan negara menjadi prinsip perjuangan PR dalam manifesto bersama seterusnya mendapat sokongan padu pengundi Cina.

Seterusnya faktor isu nasional turut menjadi pertimbangan responden untuk menyokong PR. Isu-isu nasional yang dimaksudkan ialah isu rasuah PKFZ, skandal seks, keadilan dan ketelusan, kematian Teoh Beng Hock dan Kugan, keculuparan Datuk Zulkifli Nordin terhadap agama Hindu, debat manifesto BN-PR, isu pengagihan ekonomi, isu kaum Cina yang dianggap sebagai 'pendatang' dan 'warganegara kelas kedua', isu ketelusan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), isu kredibiliti polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan isu kredibiliti pemimpin. Kesemua isu tersebut merupakan 'politik sivil' dan melibatkan nilai moral, integriti, keadilan, keharmonian dan anti korupsi yang menjadi pertimbangan pengundi terutamanya golongan muda, golongan elit dan pertengahan yang berpendidikan tinggi untuk menyokong calon PR.

Faktor selanjutnya yang mempengaruhi sokongan kepada PR ialah media dan sumber maklumat politik. Media arus perdana yang dilihat 'berat sebelah' dan tidak adil juga telah menyebabkan pengundi terutamanya golongan muda dan atas pagar telah 'meluat' dengan media kawalan kerajaan BN tersebut. Akibat daripada 'meluat' dengan pemberitaan tersebut menyebabkan mereka telah mengakses maklumat terutamanya yang berkaitan dengan politik melalui media alternatif iaitu internet/blog dan MS seperti Facebook, Twitter, YouTube, Email, Yahoo Messenger dan juga SMS. Maklumatnya didominasi oleh sumber daripada PR. Selama ini, pada setiap kali pilihanraya, rakyat umum memang tertarik dengan pencapaian pembangunan yang dilaksanakan oleh BN. Faktor ini dijadikan ukuran utama mereka menyokong kerajaan BN. Sebaliknya, pada PRU13 menunjukkan keadaan sebaliknya berlaku. Kini, mereka lebih cenderung untuk menilai aspek integriti, moral, hak asasi, keselamatan sosial dan demokrasi dalam konteks yang lebih luas. Sejarah membuktikan bahawa proses demokrasi memilih kerajaan memerintah di negara ini dibuat rakyat melalui undi yang diberikan setiap kali pilihanraya umum diadakan dalam tempoh lima tahun mengikut perlembagaan ditetapkan.

Sebagai rumusan dapatlah dikatakan bahawa negara ini memulakan proses pilihanraya selepas merdeka pada 1959 bagi memilih calon kerusi parlimen dan DUN yang mewakili parti seterusnya membentuk sebuah kerajaan demokrasi. Rakyat yang layak mengundi akan memilih calon dan parti untuk memerintah negara melalui proses pemilihan yang dibuat melalui pilihanraya umum berdasarkan rasionaliti pengundi terbabit sepertimana diterangkan di atas.

Dalam konteks pilihanraya di DUN Kampung Gajah, pengundi memilih calon bertanding berdasarkan faktor-faktor berikut:

i.) Faktor media sosial

Peranan Media Sosial dilihat memberi kesan dalam PRU13 di DUN Kampung Gajah kerana ia bertindak sebagai penyebarkan maklumat penting ketika pilihanraya dijalankan di samping memudahkan dan mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada pengundi serta calon bertanding selain pusat dan pengkalan mengumpulkan maklumat, membantu pengundi membuat pemilihan calon dengan lebih rasional dan bijak. Ia turut

bertindak membekalkan maklumat bagi mempertingkatkan pengetahuan pengundi baru terutamanya golongan muda yang membabikan diri dalam politik dan pilihanraya. Facebook dan Twitter memainkan peranan penting dalam membentuk pendapat awam terutama berkaitan isu-isu politik. Dalam kajian ini juga mendapati MS menjadi penyebarkan maklumat penting ketika pilihanraya di jalan di DUN Kampung Gajah membabitkan maklumat berkaitan calon, parti dan gerak kerja kempen semasa pilihanraya yang dihantar kepada pengundi muda yang tinggal di luar kawasan mengundi.

Ketika kempen PRU13, antara isu yang dimainkan adalah melibatkan beberapa isu nasional dan tempatan turut dibangkitkan di DUN Kampung Gajah. Namun begitu, isu terbabit tidak banyak mempengaruhi pendirian pengundi tempatan. Isu nasional dibangkitkan ialah mengenai Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), kenaikan harga barang dan petrol. Isu ini biasanya dibangkitkan parti pembangkang yang menuduh kerajaan memberikan BR1M kepada mereka yang tidak layak menerimanya. Isu ini ditolak pengundi tempatan kerana kebanyakan yang menerima BR1M adalah penduduk miskin yang tinggal di luar bandar dan ia tidak menjadi isu yang boleh meragukan mereka. Isu Tempatan yang dibangkitkan ialah mengenai pemilihan tapak perumahan generasi kedua Rancangan Felcra Cangkat Lada (KFCL) membabitkan beberapa permohonan projek pembangunan awam yang dimajukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada kerajaan yang belum dilulus serta disediakan kerajaan. Generasi kedua KFCL tidak berpuas hati dengan syarat pemberian tapak perumahan di kawasan berkenaan apabila kerajaan seolah-olah memaksa pemilik tanah melantik kontraktor pembinaan yang dicadangkan dengan kos yang dianggap tidak munasabah. Syarat pinjaman bank yang terlalu ketat turut menimbulkan rasa tidak puas hati golongan ini dan menyalahkan kerajaan kerana dikatakan tidak mengambil tindakan terhadap institusi kewangan terbabit. Sehubungan itu, tanah tapak perumahan diberi kepada orang luar yang mampu memenuhi syarat bank dan kebanyakannya bukan anak KFCL atau tempatan Kampung Gajah. Isu pembangunan seperti pembinaan Balai Bomba Dan Penyelamat serta kemudahan pendidikan yang masih tidak dibina walaupun sudah beberapa kali disuarakan sebelumnya. Kedua-dua isu ini dapat diselesaikan secara baik semasa kempen berjalan apabila calon Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berikrar dan berjanji akan menyelesaikannya selepas PRU13.

ii.) Faktor media konvensional

Walaupun sudah wujud penggunaan MS secara meluas sebagai alat komunikasi penting dalam pilihanraya, namun media konvensional masih tidak berperanan di negara ini termasuk di kawasan DUN Kampung Gajah. Media konvensional masih diperlukan dalam kempen pilihanraya terutama di tempat yang terpisah jauh daripada arus pembangunan. Televisyen, radio, akhbar dan telefon bimbit masih dianggap alat penting ketika pilihanraya kerana ia dapat menyebarkan maklumat kepada pengundi. Sepanjang kempen dijalankan televisyen milik kerajaan dan swasta sentiasa menyiarkan program yang pernah dilaksanakan kerajaan yang memerintah bagi memajukan negara demi faedah rakyat. Ia dilakukan melalui beberapa program atau

rancangan yang diatur termasuk ruangan berita pada jam 8.00 malam. Penyiaran dan penyebaran maklumat melalui televisyen berkenaan bertujuan menarik perhatian pengundi supaya mempertimbangkan semula jasa yang kerajaan buat kepada mereka selama ini. Program kempen yang dilaksanakan kerajaan BN turut memaparkan kegiatan pemimpin tertinggi parti yang bertujuan menyampaikan mesej tertentu kepada penonton. Peranan radio masih didapati penting dalam kempen pilihanraya sebagai alat komunikasi yang digunakan di merata tempat samada di rumah, tempat kerja dan dalam kenderaan bagi menyalurkan maklumat kempen pilihanraya terutamanya dalam rancangan berita atau ruangan khas yang berkaitan. Akhbar juga didapati penting peranannya apabila ia memaparkan berita dan rencana tentang isu-isu serta kejadian semasa berkaitan yang dijalankan kerajaan BN selama ini.

Ceramah, poster dan pamflet turut memainkan peranan penting dalam PRU13 di DUN Kampung Gajah terutama dalam kalangan dewasa kerana ia dapat menampung keperluan masyarakat luar bandar, sumber saluran berita yang dianggap benar dan tepat, saluran hiburan keluarga pesara serta memaparkan kegiatan kempen termasuk menyebarkan maklumat tentang kegiatan pemimpin kerajaan sepanjang proses pilihanraya. MS merupakan alat komunikasi popular dalam kalangan pengundi Cina di Semenanjung Malaysia. Golongan muda lebih bergantung kepada MS seperti Facebook, WhatsApp, WeChat dan lain-lain berbanding golongan tua yang lebih cenderung kepada penggunaan media tradisional seperti suratkhbar, televisyen dan radio (Chang, Salman, Mohamad Salleh & Tham, 2016). Media konvensional turut menampung keperluan masyarakat luar bandar yang tidak mampu membeli telefon bimbit kerana faktor kemiskinan, sumber saluran berita yang dianggap benar dan tepat di samping memaparkan kegiatan kempen termasuk pemimpin kerajaan sepanjang proses pilihanraya.

iii.) Faktor calon dan parti

Dalam kajian ini, selain faktor media sosial dan konvensional mendorong pengundi memilih calon parti bertanding, beberapa faktor lain turut menyumbang kepada pertimbangan mereka membuat pemilihan rasional terhadap calon secara muktamat. Antaranya ialah faktor kelebihan peribadi calon, rekod pemerintahan parti diwakili, kekuatan gerak kerja parti, kesetiaan kepada parti, sumber kewangan mencukupi bagi membiayai kos kempen pilihanraya dan kelemahan jentera parti pembangkang sendiri. Seseorang calon BN yang terpilih mewakili parti mestilah menyertai parti Umno, mempunyai latarbelakang pendidikan dan kelulusan memuaskan, pengalaman serta kerjaya memuaskan. Calon mempunyai kelebihan jika pernah memberikan sumbangan kepada penduduk kawasan tempat mengundi sebelumnya secara konsisten di samping mempunyai keakraban hubungan dan intraksi dengan penduduk tempatan. Dia mestilah insan yang mudah didekati dan dihubungi di samping berkemampuan berada di kawasan tempat mengundi setelah menang bertanding serta memegang jawatan wakil rakyat selepas itu.

Sejak pilihanraya 1986 hingga kini calon BN di DUN Kampung Gajah adalah ahli Umno kalangan anak tempatan termasuk bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib. Pada pilihanraya 1986, Ramli meraih undi majoriti sebanyak 7,588,

manakala 1990 (9,787) dan 1995 (10,120). Pada pilihanraya 1999, Ainon Khariyah Mohd Abas meraih undi majoriti (1,043), manakala pada pilihanraya 2004, Tajuddin Abdul Rahman (5,147) dan pada 2008, menantu Ainon Khariyah, Dr Wan Norashikin Wan Nordin (1,416). Bagi menjelaskan kedudukan undi majoriti PRU 1986 hingga 2013, lihat jadual 1:

Jadual 1. Kedudukan undi majoriti DUN Kampung Gajah mengikut tahun dan calon yang bertandin dalam Pilihanraya tahun 1986 hingga 2013

CALON	TAHUN PRU	UNDI MAJORITI
RAMLI NGAH TALIB	1986	7,588
RAMLI NGAH TALIB	1990	9,787
RAMLI NGAH TALIB	1995	10,120
AINON KHARIYAH MOHD ABAS	1999	1,043
TAJUDDIN ABDUL RAHMAN	2004	5,147
WAN NORASHIKIN WAN NORDIN	2008	1,416
ABDULLAH FAUZI AHMAD RAZALI	2013	6,100

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Hilir Perak, Teluk Intan, Perak

Berdasar Jadual 1, majoriti BN meningkat semula kepada 6,100 apabila anak bekas ADUN Kampung Gajah, Allahyarham Datuk Ahmad Razali Mohamad (1959-1974) iaitu Abdullah Fauzi Ahmad Razali bertanding dalam PRU13 dengan memperoleh undi 14,140 berbanding Pakatan Rakyat (PR) memperoleh 9,040 undi. Calon dipilih juga mestilah menyertai ahli Umno kerana sejak 1959 pengundi di DUN Kampung Gajah memilih calon BN daripada Umno sahajatanpa kalah untuk menjadi wakil rakyat mereka walaupun kadangkala undi majoritinya merosot. Pada PRU13, calon PR Parlimen Pasir Salak daripada parti Keadilan Rakyat, Mustafa Kamil Ayob adalah anak tempatan Kampung Gajah dengan memperoleh 17,489 undi berbanding calon BN, Tajuddin Abdul Rahman (24,875). Dia anak tempatan tetapi bukan mewakili calon BN. Dia juga ditolak sebahagian besar pengundi walaupun pernah menyertai parti Umno.

Rekod dan sumbangan parti ketika memerintah juga didapati mempengaruhi pengundi memilih calon yang bertanding dalam PRU13. Majoriti pengundi Melayu di DUN Kampung Gajah bimbang jika parti lain memerintah di negara ini, kedudukan raja Melayu dan keistimewaan hak orang Melayu akan terjejas. Tambahan Pas ketika itu berbaik-baik dengan PR yang turut disertai parti DAP yang dianggap menolak dasar Islam di negara ini. Kerajaan BN selama ini dianggap banyak berjasa membantu orang Melayu di kawasan luar bandar termasuk di DUN Kampung Gajah yang masih perlukan bantuan dari segi pembangunan ekonomi dan sosial. Faktor sentimen keMelayuan turut mempengaruhi sokongan kepada BN. Budaya politik Melayu tempatan juga dipengaruhi unsur-unsur feodal seperti sifat taat-setia, akur, submisif dan dikukuhkan lagi dengan hubungan politik patron/client (penaung-dinaung), antara yang memerintah dengan diperintah semestinya ditunjukkan rakyat sebagai balasan terima kasih.

iv.) Faktor jentera gerak kerja pilihanraya

Kekuatan jentera gerak kerja parti ketika berkempen dalam PRU13 didapati membantu kemenangan calon BN bertanding. Calon BN di DUN Kampung Gajah turut menggunakan pemimpin dan ahli Umno di peringkat bahagian dan akar umbi membantu calon BN berkempen. Antara tugas mereka ialah menyusun program memperkenalkan parti, menyusun jadual bilik gerakan parti dan program sepanjang kempen, menampal gambar poster calon dan parti, menyusun jadual penceramah, menerangkan jasa parti, menjawab hujah parti lawan, membuat risikan pengundi, menyusun program kempen dari rumah ke rumah dan menggerakkan program pemantauan Rumah Pintu 10.

v.) Faktor sumber kewangan yang mencukupi

Kedudukan kewangan amat penting semasa kempen pilihanraya dijalankan bagi menampung kos operasi termasuk bayaran tempahan poster gambar calon dan parti. kain rentang, pamflet, risalah parti, jamuan makan majlis dianjurkan, elau penceramah, pengangkutan ketika kempen sehingga hari mengundi ditetapkan. Tanpa kewangan perjalanan kempen akan tergugat dan memberi kesan kepada calon bertanding. Dalam hal ini BN dianggap kuat kerana calon Ahli Parlimen dikatakan mempunyai kedudukan kewangan yang mantap bagi membiayai sebahagian kos kempen. Selain wakil rakyat, beliau adalah pemimpin syarikat keluarganya dan merupakan ahli perniagaan berwibawa. Kewibawaan kepemimpinannya dalam kalangan masyarakat tempatan membantu meningkatkan kepercayaan pengundi kepada calon BN DUN Kampung Gajah, Abdullah Fauzi.

Kesetiaan kepada perjuangan parti Umno dan BN

Kesetiaan kepada perjuangan parti Umno dan BN didapati antara faktor pengundi memilih calon BN dalam PRU13. Sungguhpun calon pembangkang anak tempatan tetapi sebahagian besar pengundi menolaknya berikutan dia mewakili parti bukan BN. Kawasan DUN Kampung Gajah adalah kubu kuat Umno. Kebanyakan ahli dan pemimpin Umno yang mewarisi perjuangan parti berkenaan daripada datuk dan nenek mereka secara tradisinya menyokong dan memilih calon BN. Calon BN, Abdullah Fauzi Ahmad Razali adalah pemimpin dan ahli Umno yang juga merupakan anak bekas wakil rakyat di situ, Datuk Ahmad Razali Mohamad (1959-1974). Manakala calon Pas adalah dianggap sebagai orang luar. Golongan pengundi berumur 50 tahun ke atas masih terpengaruh dengan sejarah terdahulu bagaimana datuk dan nenek mereka memperjuangkan kemerdekaan melalui parti Umno dan Perikatan. Ketika Inggeris memerintah Tanah Melayu, Kampung Gajah tersisih daripada arus pembangunan berikutan peristiwa pembunuhan JWW Birch di Pasir Salak yang terletak di kawasan DUN Kampung Gajah pada tahun 1875. Golongan ini yakin Umno mampu membangunkan masyarakat setempat dan perlu dipertahankan dalam setiap pilihanraya diadakan.

Faktor utama rakyat menyokong BN adalah atas dasar mengenang dan menghargai jasa pemimpin terdahulu. Mereka merasakan adalah wajar sebagai rakyat Malaysia untuk terus menyokong pentadbiran BN kerana dengan dasar dan kepimpinan BN yang sedia ada, sekaligus menjadikan Malaysia terus membangun dan terkenal di pelusuk dunia. Pemimpin sebelum ini telah banyak menyumbang idea dan tenaga demi membangun dan memajukan negara (Daud, 2013). Perjuangan untuk kesejahteraan rakyat dan keamanan negara terus menjadi agenda utama. Pertumbuhan ekonomi turut berkembang dan semakin rancak dengan penelitian yang teratur. Oleh itu, mereka merasakan adalah wajar untuk mereka terus menerus menyokong BN (Besar, Fauzi, Ghazali & Abdul Ghani, 2014).

Kesimpulan

Berdasarkan penemuan kajian di atas menunjukkan bahawa faktor yang memberi impak kepada pola pengundian di kawasan luar bandar terutamanya melibatkan golongan muda masih didasari oleh pelbagai aspek antaranya pengaruh media sosial, media konvensional, faktor calon dan parti, keupayaan jentera serta kekuatan sumber kewangan. Kesemua faktor tersebut memberi kesan kepada pola pengundian di kawasan tersebut.

Secara keseluruhannya, penggunaan MS didapati berjaya mengubah atau mentransformasikan cara berkempen tradisional. Namun demikian, maklumat dan berita yang diterima pengguna daripada media konvensional seperti televisyen, radio, akhbar masih digunakan oleh penduduk di kawasan kajian. Dalam kajian kes di DUN Kampung Gajah mendapati MS dapat membantu calon, jentera parti BN dan pengundi berintraksi, berbincang mengenai isu politik serta kempen sepanjang pilihanraya PRU13. Maklumat kempen dan pilihanraya dapat disampaikan dengan cepat dan pantas kepada pengundi tanpa menggunakan kos dan guna tenaga kerja yang tinggi. Kehadiran MS dapat menyuburkan proses demokrasi di negara ini apabila golongan belia diberi peluang berintraksi dan berbincang mengenai politik dan pilihanraya melalui internet. Golongan belia yang kebanyakannya menganggap media konvensional dikawal kerajaan dan kurang melaporkan kegiatan parti politik pembangkang akhirnya diberi peluang memilih media alternatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan kempen dan pilihanraya. Aspek calon dan parti juga dilihat mampu memberi kesan kepada corak dan pola pengundian di kawasan luar bandar terutamanya melibatkan golongan muda di DUN Batu Gajah.

Rujukan

Becker, G. (1976). "The Economic Approach to Human Behavior," in *The Economic Approach to Human Behavior* (Chicago and London: The University of Chicago Press), pp. 3-14. Retrieved from

- http://www.pauldeng.com/pdf/Becker_the%20economic%20approach%20to%20human%20behavior.pdf.
- Besar, J. A., Fauzi, R., Ghazali, A. S. dan Abdul Ghani, M. H. (2014). Persepsi Politik dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), 135-161. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/11096>.
- Besar, J. A., Fauzi, R., Ghazali, A. S., Abdullah, M. A., Ali, M. dan Mohd Yusof, A. R. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 28-38. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/7837/>.
- Buchanan, J. M. dan Tullock, G. (1974). *The Calculus Of Consent: Logical Foundations Of Constitutional Democracy*. Retrieved from http://files.libertyfund.org/files/1063/Buchanan_0102-03_EBk_v6.0.pdf.
- Chang, P. K., Salman, A., Mohamad Salleh, M. A. dan Tham, J. S. (2016). *Persepsi Pengundi Cina Tentang Isu Semasa, Penggunaan Media dan Penglibatan Aktiviti Sivik: Satu Kajian di Semenanjung Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Downs, A. (1957). An Economic Theory of Political Action in a Democracy. *Journal of Political Economy*, 65(2), 135-150. Retrieved from <http://www.rochelleterman.com/ComparativeExam/sites/default/files/Bibliography%20and%20Summaries/Downs%201957.pdf>.
- Elster, J. (1989). Social Norms and Economic Theory. *Journal of Economic Perspectives*, 3(4), 99-117. Retrieved from <http://dlc.dlib.indiana.edu/dlc/bitstream/handle/10535/3264/Elster.pdf>.
- Friedman, M. (1953). "The Methodology of Positive Economics," in *Essays in Positive Economics* (Chicago: University of Chicago Press), 3-43. Retrieved from https://campus.fsu.edu/bbcswebdav/orgs/econ_office_org/PowerPoint_Files/2023-Joe_Calhoun/2023_Chapter_01/Friedman-Essays_in_Positive_Economics.pdf.
- Green, S. L. (2002). *Rational Choice Theory: An Overview*. Retrieved from https://business.baylor.edu/steve_green/green1.doc.
- Green, D. P. dan Shapiro, I. (1996). *Pathologies of Rational Choice Theory: A Critique of Applications in Political Science*. (New Haven, CT: Yale University Press). Retrieved from <https://www.scribd.com/document/328324508/Donald-Green-Ian-Shapiro-Pathologies-of-Rational-Choice-Theory-a-Critique-of-Applications-in-Political-Science-Yale-University-Press-1996>.
- Hogarth, R. M. dan Reder, M. W. (1987). *Rational Choice: The Contrast Between Economics and Psychology* (Chicago and London: The University of Chicago Press).
- Mohd Ngah, N. S. N. dan Abdullah, I. (2014). Election and Voting Behaviour of FELDA Settlers in Felda Chini Pahang, Malaysia. *Global Journal of Human-Social Science (F)*, 14(1), 21-28. Retrieved from <https://socialscienceresearch.org/index.php/GJHSS/article/download/971/917/>

- Radnitzky, G. dan Bernholz, P. (eds.) (1987). *Economic Imperialism: The Economic Approach Applied Outside the Field of Economics*. (New York: Paragon House Publishers).
- Swedborg, R. (1990). *Economics and Sociology*. (Princeton: Princeton University Press).
- Willnat, L., Wong, W. J., Tamam, E. dan Aw, A. (2013). Online media and political participation: The case of Malaysia. *Journal of Mass Communication and Society*, 16(4), 557-585. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/15205436.2012.734891>.